

Lawatan Persatuan Pertukaran Antarabangsa Xinjiang Ke UniMAP

9hb Mei 2008, -Persatuan Pertukaran Antarabangsa daripada Jabatan Pendidikan China yang mana salah satu jabatan yang berpusat di Xinjiang telah melahirkan hasrat untuk menghantar seramai 100 orang pelajar China ke UniMAP sebelum akhir tahun ini. Hal ini diutarakan oleh Pengarah Jabatan tersebut, Encik Ma Gang kepada Naib Canselor UniMAP hari ini.

Menurut Encik Ma Gang lagi, beliau juga berhasrat agar kesemua 100 orang pelajar tersebut perlu menjalani kursus Bahasa Inggeris secara intensif sebelum mereka ditempatkan di dalam bidang yang berkaitan. Beliau meminta agar UniMAP bekerjasama bersama beliau bagi menentukan pendidikan yang bersesuaian untuk pelajar-pelajar tersebut selepas itu.

Dalam pada itu, Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin membincangkan beberapa pelan yang bersesuaian bagi melaksanakan kerjasama tersebut. Menurut beliau lagi, "kami sebenarnya telah pun merancang perkara ini dan kita perlu lebih progresif dalam tindakan kita sekiranya melangkah ke negeri China", kata beliau.

Encik Ma Gang memilih untuk melawat UniMAP kerana beliau tertarik dan kagum dengan universiti ini yang aktif dalam mengantara bangsakan universitinya.